



*JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA*

# **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**4 Mei 2019**

1. Balasan Dera Dua Anjing: Harian Metro
2. Ibu tunggal dera dua anjing peliharaan didenda RM4,000: Kosmo

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA  
BAHAGIAN PERANCANGAN  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
<b>RUANGAN : Setempat</b>	<b>M/SURAT:</b> <input type="text" value="34"/>	<b>RUANGAN :</b>	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input checked="" type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
4 Mei 2019			

**HARIAN METRO**

# BALASAN DERA DUA ANJING

■ Ahli perniagaan kena denda RM4,000

**Mohd Hilmie Hussin**  
mohdhilmie@hmetro.com.my

**Melaka**

**A**hli perniagaan didenda RM4,000 di Mahkamah Sesyen di sini, semalam kerana mendera dua anjing peliharaan di rumahnya di Taman Merdeka, Hang Tuah Jaya, pada 28 Jun 2018.

Hakim Norma Ismail memerintahkan wanita terabit, Lal Woan Yong, 37, membayar denda berkenaan selepas mengaku bersalah terhadap pertuduhan yang dibacakan jurubahasa.

Mengikut pertuduhan, wanita yang mengusahakan perniagaan perabot itu didakwa menyebabkan kesakitan serta menyebabkan penderitaan tidak wajar kepada anjing jantan kacukan berwarna coklat kehitaman dan anjing betina kacukan berwarna hitam jam 10.20 pagi, 28 Jun 2018 di rumahnya.

Dia didakwa mengikut Seksyen 44 (1)(d) Akta Binatang 1953 (Akta 647) (Semakan 2006) dibaca bersama Akta Binatang (Pindaan) 2013 (Akta A1452).

Sabit kesalahan, tertuduh boleh didenda hingga RM50,000 atau penjara hingga setahun atau kedua-duanya.

Mengikut fakta kes, pada 28 Jun 2018, jam 10.20 pagi, pegawai Veterinar Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Negeri Melaka, Dr Tuan Ajmal Tuan Kamaluddin bersama tujuh lagi penguat kuasa melawat lokasi selepas menerima aduan mengenai pengabaian binatang di lokasi berkenaan.

Sebaik tiba, pasukan terabit yang memasuki kawasan berpagar mendapati seekor anjing berwarna coklat di hadapan rumah dalam keadaan dirantai, tidak bermaya dan terlalu kurus selain banyak kutu di badan dipercayai tidak diurus dengan baik.

Siasatan lanjut ke belakang rumah mendapati seekor lagi anjing tidak berantai dalam keadaan lemah dan tidak aktif, dengan terlalu kurus, ada penyakit kulit selain mata kirinya bengkok.

Sehubungan itu, Dr Tuan Ajmal sebagai pengadu mengarahkan Pihak Berkuasa Veterinar merampas kedua-dua anjing berkenaan, selain membuat laporan polis.



*LAL keluar dari Mahkamah Sesyen, Ayer Keroh, semalam.*

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
<b>RUANGAN : Negara</b>	<b>M/SURAT:</b>	<input type="text" value="8"/>	<b>RUANGAN :</b>
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input checked="" type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
<b>4 Mei 2019</b>			

## Ibu tunggal dera dua anjing peliharaan didenda RM4,000



WGAN YONG (tengah) mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Melaka semalam atas kesalahan mendera dua ekor anjing peliharaannya tahun lalu.

MELAKA - Padah mendera dua ekor anjing peliharaan miliknya tahun lalu, seorang ibu tunggal didenda sebanyak RM4,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam.

Hakim Norma Ismail menjatuhkan hukuman itu terhadap Lai Woon Yong, 37, selepas tertuduh mengaku bersalah sebaik pertuduhan dibacakan oleh jurubahasa mahkamah.

Mengikut pertuduhan, tertuduh sebagai pemilik sepasang anjing jantan dan betina jenis kacukan berwarna hitam serta coklat kehitaman didapati gagal melaksanakan tindakan wajar sehingga menyebabkan kesakitan serta penderitaan terhadap haiwan tersebut.

Tindakan itu dilakukan tertuduh kira-kira pukul 10.20 pagi di sebuah rumah di Taman Merdeka, Hang Tuah Jaya pada 28 Jun 2018.

Berdasarkan fakta kes, pemeriksaan oleh Pegawai Veterinar Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Melaka di kediaman tertuduh mendapati kedua-dua haiwan itu didapati terlalu kurus dan mempunyai jangkitan penyakit kulit selain kesan bengkak pada mata kiri.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 441(d) Akta Binatang 1953 (Akta 647) (semakan 2006) dan dibaca bersama Akta Binatang (Pindaan) 2013 (Akta A1452) yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara sehingga satu tahun jika sabit kesalahan.

Tertuduh yang diwakili peguam Sia Sin Yee merayu hukuman terhadapnya diringankan dengan alasan anak guamnya terpaksa menanggung bebanan hutang perusahaan perabot selain perlu menyara

ayah yang uzur serta seorang anak perempuan berusia 10 tahun selepas ditinggalkan suaminya.

Pegawai Pendakwa JPV Melaka, Raja Mazlan Raja Mamat bagaimanapun memohon hukuman setimpal dikenakan sebagai pengajaran terhadap tertuduh dan memohon kos rawatan kedua-dua haiwan tersebut yang berjumlah RM721 dibayar semula kepada jabatan.

Selepas mendengar ruyuan kedua-dua pihak, Norma menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM4,000 atau tiga bulan penjara jika gagal bayar. Tertuduh membayar denda tersebut.

Hakim turut memerintahkan tertuduh membayar kos rawatan haiwan sebanyak RM721 kepada JPV dan kedua-dua anjing itu dipulangkan semula kepada tertuduh.

